

BAB 1

PENDAHULUAN

Bab ini mengandungi latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian serta diikuti dengan soalan kajian, bahan kajian, penyusunan kajian, ruang lingkup kajian serta kepentingan kajian.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Tesis ini merupakan satu usaha mengkaji penulisan berita daripada aspek kohesi atau tautan dalam akhbar berbahasa Melayu. Berita merupakan satu jenis wacana lisan dan tulisan yang sering menjadi bahan bacaan dan pendengaran setiap lapisan masyarakat pada setiap hari. Pada zahirnya, ia terbentuk daripada perkataan-perkataan dan gambar-gambar yang akan bercantum menjadi satu wacana yang digelar berita.

Berita adalah jendela dunia. Melalui bingkainya, pembaca mempelajari tentang dirinya dan orang-orang di sekitarnya, cara hidup mereka, institusi masing-masing, pemerintah dan juga tentang negara lain dan rakyatnya. Ia disebarluaskan melalui akhbar, majalah, radio, televisyen dan terkini melalui internet.

Wacana berita merupakan satu bahan bacaan yang mesti dibaca kerana kandungannya yang berbagai-bagai jenis sesuai untuk setiap peringkat umur pembaca. Oleh kerana ia merupakan satu wacana yang mempunyai sasaran pembaca

yang luas dan berbagai-bagai, dengan itu wacana berita memerlukan kajian yang teliti.

Kajian ini adalah didorong oleh pengalaman pengkaji selama dua puluh tahun lebih mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu Komunikasi kepada siswazah bidang Kewartawanan di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. Siswazah ini mengikuti ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media. Mereka perlu mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu Komunikasi selama empat (4) semester iaitu mulai semester satu (1) hingga semester empat (4). Semasa di Semester dua (2) hingga tiga (3), mereka dibahagikan kepada bidang pengkhususan masing-masing dan Bahasa Melayu Komunikasi yang diajar pada semester dua (2) dan tiga (3) ini adalah bercorak pengkhususan (Bahasa Melayu Khusus), yakni dikhkususkan kepada bidang yang diambil oleh pelajar-pelajar seperti bidang Kewartawanan, Perhubungan Awam, Penyiaran, Periklanan dan Penerbitan.

Kursus Bahasa Melayu Komunikasi ini ditawarkan kepada pelajar tersebut dengan tujuan membolehkan pelajar mempunyai penguasaan dan kemahiran bahasa Melayu yang baik dan sesuai dengan keperluan media massa. Di samping itu, ia juga bagi membolehkan pelajar mempunyai penguasaan bahasa Melayu yang baik dari segi lisan dan tulisan dalam bidang pengkhususan seperti Kerwartawanan, Perhubungan Awam, Penyiaran dan sebagainya.

Hasil daripada sekian lama mengajar graduan bidang Kewartawanan, dan salah satu daripada kandungan dalam komponen mata pelajaran yang dipelajari

oleh mereka ialah bahasa dan format penulisan berita, maka pengkaji mula bertanya-tanya beberapa soalan, iaitu:

- a) Apakah berita?
- b) Apakah fungsinya?
- c) Bagaimanakah bentuknya?
- d) Bagaimanakah struktur organisasi teks dalam berita?
- e) Bagaimanakah bentuk penggunaan bahasa dalam berita?

Bagi menjawab soalan-soalan di atas, ia telah mendorong pengkaji untuk membuat satu kajian terhadap wacana berita yang sering menjadi tatapan ramai. Wacana berita yang dipilih ialah yang terdapat dalam dua akhbar utama berbahasa Melayu, iaitu *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*.

Bagi memahami wacana berita yang terdapat dalam akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* ini, oleh itu perlu diberi latar belakang ringkas maklumat berkaitan kedua-dua akhbar tersebut dan deskripsi terhadap wacana berita.

1.1.1 Latar belakang Akhbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia*

Dua buah akhbar dalam kajian ini merupakan akhbar utama dalam tulisan rumi di Malaysia. Kedua-duanya boleh dikatakan sebagai akhbar kebangsaan harian negara kerana diedarkan ke seluruh negara dan melaporkan berita dari segenap ceruk rantau negara ini.

Jika dibandingkan dari segi usia penerbitannya, akhbar *Berita Harian* lebih tua usianya kerana pada mulanya ia diterbitkan pada 1 Jun 1957 di Singapura dan seterusnya diterbitkan di Kuala Lumpur pada 24 Julai 1957. Pada asalnya, *Berita Harian* diterbitkan di Singapura kerana dalam tahun 1956-1957, Singapura menjadi pusat penerbitan persuratkhabaran di Semenanjung Tanah Melayu. Tetapi setelah Dewan Bahasa dan Pustaka didirikan di Johor Baharu dalam tahun 1956, kemudian berpindah ke Kuala Lumpur pada bulan Julai 1957, maka akhbar ini pun diterbitkan di Kuala Lumpur (A.M.Iskandar, 1980: x). Akhbar ini diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd.

Dari segi sejarah, kelahiran *Berita Harian* dua bulan sebelum negara Malaysia menyambut kemerdekaannya pada 31 Ogos 1957 adalah mencerminkan bahawa sebuah negara yang baru merdeka mesti mempunyai sebuah akhbar tersendiri yang menggunakan bahasa rasmi negara. Akhbar yang dihasilkan oleh rakyat, kepada rakyat dan untuk rakyat memenuhi keperluan rakyat Malaya semasa era nasionalisme yang sedang memuncak. Akhbar ini menggerakkan semangat juang untuk memerdekaakan negara tercinta dan sehingga kini terus menyemarakkan impian rakyat ke arah mencapai Wawasan 2020 (bharian.com.my.,2002).

Berita Harian yang diterbitkan dalam lima edisi setiap hari, menjadi sumber yang tepat untuk mendapatkan maklumat dan berita terkini. Kelima-lima edisi tersebut ialah : Utara, Tengah, Selatan, Timur dan Sabah/Sarawak. Penerbitan edisi harian terdapat dalam 3 bahagian, iaitu Bahagian Utama, Bahagian Wilayah dan Bahagian Tematik. Bahagian Utama melaporkan berita nasional dan juga berita

ekonomi serta perniagaan. Bahagian Wilayah merangkumi berita wilayah, berita dunia dan berita sukan, manakala Bahagian Tematik meliputi hal wanita dan keluarga, pendidikan serta iklaneka. Pada dasarnya, akhbar *Berita Harian* merupakan edisi akhbar *New Straits Times* dalam bahasa Melayu jika dilihat dari segi saiz, kandungan dan formatnya.

Akhbar *Utusan Malaysia* pula diterbitkan sepuluh tahun kemudian, iaitu pada 1 September 1967 oleh Syarikat Utusan Melayu Berhad. Akhbar ini pernah ditempatkan sebagai akhbar yang paling banyak dibaca di seluruh negara dan merupakan tunjang kepada bidang kewartawanan Melayu untuk selama lebih 50 tahun dengan jumlah kategori pembacanya yang luas. Mengikut A.M.Iskandar (1980: 176), *Utusan Malaysia* merupakan surat khabar yang mengandungi semboyan penyebar Fikiran, Bangsa dan Nusa. Ia memberi banyak ruang kepada berita dalam negeri dibandingkan dengan berita luar negeri, dan ini memperkuatkan anggapan bahawa surat khabar ini lebih mementingkan peristiwa dan kejadian yang ada hubungannya dengan setempat yang sesuai dengan selera utama pembaca.

Kedua-dua akhbar tersebut mempunyai beberapa persamaan seperti sejarah penerbitannya yang lama dan mempunyai golongan pembacanya yang tersendiri. Pembacanya terdiri daripada berbagai-bagai lapisan masyarakat, yakni daripada golongan pelajar, suri rumah, pekerja, golongan peniaga hingga golongan pembuat keputusan di sektor perkhidmatan awam dan swasta. Jumlah pembaca bagi kedua-dua akhbar tersebut di seluruh negara seperti yang dilaporkan oleh “*Nilson Media Research Malaysia*” ialah sehingga bulan Jun tahun 2002 jumlah pembaca akhbar *Utusan Malaysia* ialah seramai 1,460,000 juta orang

dan jumlah pembaca akhbar *Berita Harian* adalah seramai 1,479.000 juta orang. Maka dengan jumlah pembacanya yang ramai, menunjukkan kedua-dua akhbar tersebut adalah popular di kalangan pembaca yang bukan sahaja terdiri daripada kaum Melayu tetapi juga kaum lain seperti China dan India .

Berita Harian mempunyai edisi mingguannya yang dikenali sebagai *Berita Minggu*, manakala edisi mingguan *Utusan Malaysia* pula ialah *Mingguan Malaysia*. Dari segi jumlah muka suratnya, akhbar *Berita Harian* mempunyai 40 muka surat, manakala akhbar *Utusan Malaysia* 32 muka surat tetapi kedua-duanya memuatkan laporan berita yang terkini dan mendalam merangkumi semua aspek seperti politik, ekonomi, pendidikan, kebudayaan, sukan dan sebagainya. Pada tahun 1994, akhbar *Berita Harian* dilaporkan mengedarkan sebanyak 350,000 naskah sehari, manakala akhbar *Utusan Malaysia* mencecah ke angka 264,917 naskah sehari. Dengan jumlah edaran yang begitu banyak, wajarlah kedua-dua akhbar ini menjadi pilihan utama pembaca di Malaysia.

1.1.2 Deskripsi Wacana Berita Akhbar

Dalam proses menyampaikan fakta, pendapat dan hujah, tidak ada teknik yang mampu menandingi keunggulan akhbar kerana akhbar dianggap mempunyai mekanisme yang menjadikannya paling berkuasa dalam kehidupan masyarakat. Hari demi hari, akhbar semakin mengakar dalam kehidupan manusia, mempengaruhi emosi dan mempertajam daya ingatan mereka (A.F.Yassin, 1986: 1). Akhbar mempunyai pengertian yang sempit dan luas. Dalam pengertian sempit, akhbar ialah alat yang mengandungi penyiaran fikiran, gagasan ataupun berita dalam

bentuk tulisan. Sedangkan dalam konteks pengertian luas, akhbar merupakan media massa dalam semua bentuk yang memancarkan fikiran dan perasaan seseorang baik dalam bentuk tulisan maupun dalam bentuk lisan (ibid, 1986: 5).

Akhbar mempunyai berbagai-bagi fungsi dan antaranya ialah sebagai alat untuk menyampaikan berita atau maklumat kepada masyarakat pembaca dan sebagai media untuk memuatkan buah fikiran, pandangan atau pendapat orang ramai atau individu. Mengikut Beckert (1982: 33), surat khabar mempunyai empat fungsi utama iaitu:

- untuk memberitahu pembaca tentang perkara-perkara yang berlaku di dunia dan di dalam masyarakat mereka,
- untuk mempengaruhi pemikiran masyarakat umum melalui pemilihan bahan dan komentar tentang sesuatu kejadian,
- untuk menghibur pembaca melalui cerita-cerita dan rencana-rencana yang menarik, dan
- untuk memberikan ruang kepada peniaga tempatan mengiklankan barang dan perkhidmatan mereka.

Di dalam media, berita merupakan genre bahasa yang utama. Ia memenuhi berpuluhan-puluhan muka surat dalam akhbar harian dan disiarkan selama beberapa jam di radio dan televisyen. Walaupun dalam media penyiaran, berita memenuhi jumlah masa yang sedikit, tetapi berita dianggap oleh organisasi media dan pendengar sebagai fokus kepada kandungan media (Bell, 1991: 1).

Terdapat berbagai-bagai takrif mengenai berita, tetapi secara umumnya, berita dapat diertikan sebagai "... suatu laporan tentang peristiwa atau kejadian yang terjadi, yang baru dan luar biasa sifatnya, yang ingin diketahui umum" (Sulaiman, 1990: 8). Beckert (1982: 21) mentakrifkan berita sebagai "... an account of events that interest and concern the public". Reah (2001: 4) juga bersepakat bahawa berita ialah "information about recent events that are of interest to a sufficiently large group, or that may affect the lives of a sufficiently large group".

..

Dengan itu, berdasarkan definisi-definisi tersebut, dapat disimpulkan bahawa berita bukan merupakan idea atau pendapat semata-mata, tetapi ia merupakan satu laporan tentang kejadian yang sebenarnya terjadi. Laporan tersebut dipersyaratkan hendaklah yang baru berlaku atau dengan perkataan lain, ia mesti "panas" kerana peristiwa yang terjadi pada bulan yang lalu tidak mempunyai nilai lagi sebagai sebuah berita kecuali berita itu merupakan ulasan dan penggambaran latar belakang kepada sesuatu berita yang sedang diliputi. Sesuatu kejadian itu yang berlaku tidak secara natural tetapi terjadi secara luar biasa dan di luar dugaan, merupakan satu berita yang baik. Contohnya satu rusuhan yang berlaku, satu pembunuhan yang kejam dan satu bencana alam yang berlaku secara tiba-tiba merupakan berita yang baik. Berita itu juga sudah tentu untuk memenuhi hasrat rasa ingin tahu di kalangan orang ramai tentang peristiwa tersebut atau akan memberikan kesan kepada kehidupan sekumpulan besar pembaca.

Daripada definisi yang diberikan oleh Sulaiman dalam dua perenggan di atas, iaitu sesuatu kejadian yang berlaku di luar kebiasaan atau di luar

dugaan adalah dianggap sebagai berita, saya berpendapat kenyataan ini tidak semestinya sebegitu. Ini kerana di dalam akhbar dapat dibaca laporan mengenai berita biasa seperti berita kehidupan keluarga yang miskin, tawaran pakej perkhidmatan baru, kemajuan sesuatu projek yang diperkenalkan dan sebagainya juga digolongkan sebagai berita. Dengan itu, berita tidak semestinya sentiasa luar biasa untuk dimuatkan dalam akhbar.

.. Berita dalam masyarakat kita dibina berdasarkan beberapa nilai berita yang tradisional. Nilai-nilai berita itu merupakan asas yang digunakan oleh wartawan untuk menentukan sesuatu kejadian itu sama ada ia dapat dianggap sebagai berita atau tidak. Setiap hari terdapat berjuta-juta kejadian yang berlaku dalam masyarakat kita. Hanya beberapa kejadian sahaja yang dipilih oleh wartawan dan yang mempunyai sekurang-kurangnya satu daripada kriteria berikut dapat diklasifikasikan sebagai berita. Stovall (1994: 84) serta Itule dan Anderson (1977: 18) memberikan kriteria yang perlu ada pada sesebuah berita seperti berikut :

- **Kesan.** Adakah berita itu meninggalkan kesan kepada pembaca?
- **Baru.** Adakah berita itu merupakan perkembangan terbaru atau berita lama?
- **Terkenal.** Adakah orang yang terkenal terlibat dalam berita itu?
- **Dekat.** Adakah berita itu berlaku di tempat yang berdekatan atau jauh?
- **Konflik.** Adakah terdapat konflik dalam berita tersebut?
- **Luar biasa.** Adakah ia merupakan kejadian yang biasa atau sesuatu yang luar biasa?
- **Semasa.** Adakah ia merupakan isu semasa?

Kesan

Sesuatu kejadian yang meninggalkan kesan kepada kehidupan manusia diberikan keutamaan oleh media sebagai berita. Contohnya, berita pemberhentian pekerja secara beramai-ramai bukan sahaja memberikan kesan kepada pekerja dan keluarga mereka, tetapi pembaca turut berminat terhadap berita tersebut kerana ia memberikan kesan kepada masyarakat mereka.

Baru

Berita yang disiarkan pada hari ini akan basi pada hari esok. Dengan itu, kejadian yang baru berlaku dianggap sebagai berita dibandingkan dengan kejadian yang sudah lama berlaku. Contohnya apabila tanah bukit runtuh berhampiran kawasan perumahan, pembaca ingin tahu dengan segera kesannya kepada penduduk di sekitar kawasan tersebut.

Terkenal

Orang-orang yang terkenal walaupun kadang-kadang mereka melakukan perkara yang kurang penting menjadi bahan berita. Perdana Menteri Malaysia adalah sebagai contohnya. Pada setiap bulan puasa, apabila beliau pergi membeli juadah untuk berbuka puasa, akan mendapat liputan daripada pihak media. Ini adalah kerana Perdana Menteri adalah seorang yang terkenal dan penting kepada negara. Apa yang dilakukannya akan memberikan kesan kepada negara dan rakyat amat berminat dengan setiap tindak-tanduknya. Bintang filem, penyanyi dan ahli politik merupakan sebilangan orang terkenal yang sering menjadi bahan berita disebabkan pengaruh mereka. Walau bagaimanapun, pada pendapat saya berita tentang orang-orang biasa akan mendapat liputan pada muka surat pertama sekiranya berlaku sesuatu yang

luar biasa terhadap mereka seperti penyakit yang menimpa keluarga mereka yang memerlukan bantuan derma daripada orang ramai.

Dekat

Jarak berlakunya sesuatu peristiwa memberikan kesan, misalnya peristiwa yang sama berlaku di tempat pembaca itu sendiri lebih penting dan menjadi berita daripada yang berlaku di tempat yang jauh. Tetapi berita yang berlaku di tempat yang jauh dan mempunyai perkaitan dengan pembaca, akan menjadikan berita itu dekat dengan pembaca.

Konflik

Peristiwa-peristiwa yang mengandungi konflik seperti peperangan, politik, dan jenayah lebih diberikan liputan oleh pemberita. Peristiwa yang berupa skandal juga merupakan berita yang menarik, lebih-lebih lagi sekiranya ia berkaitan dengan orang-orang yang penting. Konflik merupakan satu daripada kriteria yang menjadi kegemaran wartawan kerana pada umumnya ia menjanjikan suatu cerita yang menarik untuk ditulis. Contohnya berita perbicaraan amat popular di kalangan pembaca akhbar dan penonton televisyen kerana ia melibatkan konflik di antara dua pihak yang bertentangan.

Luar biasa

Peristiwa yang luar biasa dan jarang berlaku serta menghairankan menjadikannya berita. Contohnya, jika ada orang yang mampu tinggal bersama-sama ular yang berbisa dalam tempoh tertentu dan memecahkan rekod dunia akan menjadi berita luar biasa yang menarik untuk disajikan kepada pembaca dan mendapat liputan pada

muka surat pertama akhbar. Sebaliknya peristiwa biasa kurang diberi liputan secara besar-besaran.

Semasa

Isu-isu yang mencetuskan keperluan semasa selalunya mempunyai nilai berita dan kejadian-kejadian yang berkaitan dengan isu-isu tersebut, kadang-kadang boleh dianggap sebagai berita. Contohnya isu sumbang mahram dan kejadian sumbang mahram yang semakin berleluasa di negara ini telah mendapat liputan yang luas oleh wartawan. Ini adalah kerana isu ini merupakan satu isu semasa yang menggambarkan kepincangan yang berlaku dalam masyarakat hari ini.

Berita dapat disusun dan dinyatakan dalam berbagai-bagai cara, tetapi pada dasarnya ia mengandungi bahagian **permulaan** (pendulu), bahagian **pertengahan** (tubuh atau perkembangan) dan bahagian **akhir** (penutup) (Hough, 1980).

Bahagian permulaan berita yang menurut istilah kewartawanan dipanggil *lead* atau *intro* atau “pendulu” biasanya menonjolkan fakta utama dalam berita itu (Newson dan Wollert, 1988; dan Metz, 1991). Pendulu merupakan bahagian yang penting dalam berita, yang akan membantu pembaca mengetahui isi utama sesebuah berita dengan cepat. Bahagian ini akan merangkum keseluruhan isi cerita.

Terdapat berbagai-bagai cara menulis pendulu. Salah satu caranya ialah dengan membuat pendulu asas, iaitu pendulu ringkasan. Jenis ini memberikan sinopsis keseluruhan berita kepada pembaca. Pendulu ini dibentuk daripada 6 unsur

iaitu siapa, apa, bila, di mana, mengapa, dan bagaimana. Urutan setiap unsur tersebut tidak mutlak, misalnya unsur bila boleh mendahului unsur apa dan unsur mengapa juga dapat disajikan awal. Semua itu dapat disusun oleh wartawan dengan mempertimbangkan kepentingannya. Pendulu biasanya terdapat pada ayat/perenggan pertama dalam sesuatu berita.


Bahagian tubuh berita menghuraikan fakta-fakta yang terdapat pada bahagian pendulu kepada pembaca. Tubuh berita merupakan keseluruhan daripada peristiwa yang diambil menjadi berita.

Sesetengah berita mempunyai **bahagian akhir** dan sesetengahnya tidak. Ia bergantung pada keperluan berita yang dilaporkan itu. Terdapat bahagian akhir yang berfungsi untuk memberikan penekanan terhadap kepentingan fakta yang dilaporkan pada bahagian pendulu dan tubuh berita.

Setiap berita ditulis dalam struktur tertentu. Struktur wacana berita adalah berbagai-bagai tetapi struktur yang sering digunakan ialah struktur piramid terbalik, formula *Wall Street Journal*, *hourglass*, senarai, piramid, bahagian dan *nonlinear* (Rich, 2000: 200). Di antara struktur-struktur tersebut, struktur piramid terbalik akan diberikan penghuraian kerana ia merupakan bentuk yang paling asas dalam membentuk berita. Struktur ini merupakan struktur umum yang telah mentradisi dalam penulisan berita. Walau bagaimanapun, ini tidak bererti semua penulisan berita mengikut tradisi seperti itu. Mungkin wartawan akan menggunakan struktur lain mengikut daya kreativiti mereka.

Wacana berita biasanya mempunyai bentuk piramid terbalik (de Maesener, 1986 dan Hough, 1980). Sebagai penjelasan kepada bentuk piramid terbalik, menurut Bhatia (1993: 169) item yang mengandungi nilai kejutan yang paling tinggi dipilih sebagai tajuk berita, dan selanjutnya diperkembang di bahagian pendulu. Sebarang penjelasan, latar belakang atau bahan sekunder yang lain akan dinyatakan seterusnya menurut urutan berita. Prinsip penyusunan seperti ini memberikan laporan berita mempunyai struktur yang dikenali sebagai piramid terbalik.

Sistem piramid terbalik ini meletakkan fakta yang paling penting dalam wacana berita itu di bahagian atas sekali (pendulu), sementara fakta-fakta sokongan lain diletakkan di bahagian bawah secara bertingkat-tingkat seperti anak tangga menurut kepentingannya. Menurut Hough (1980), “the inverted-pyramid story has no conclusion”. Format ini mempunyai satu kebaikan iaitu berita boleh dipotong perenggan demi perenggan dari bawah ke atas. Apabila laporan berita memuatkan bahagian penting di bahagian bawah, maka besar kemungkinan yang akan turut terpotong adalah bahagian yang penting. Oleh sebab itu, wartawan tidak memuatkan bahagian penting di akhir laporan. Sistem ini boleh dilihat dalam Rajah 1.1 berikut :



Rajah 1.1 : Sistem Piramid Terbalik

Berita boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu *hard news* dan *soft news*. Rich menerangkan kedua-dua kategori tersebut seperti berikut :

“Hard news” include stories of a timely nature about events or conflicts that have just happened or are about to happen, such as crimes, fires, meetings, protest rallies, speeches and testimony in court cases. The hard approach is basically an account of what happened, why it happened, and how readers will be affected. These stories have immediacy.

“Soft news” is defined as news that entertains or informs, with an emphasis on human interest and novelty and less immediacy than hard news. For example, a profile about a man who designs model airplanes.

(Rich, 2000: 18)

Daripada keterangan di atas, berita politik dapat dikategorikan sebagai berita keras (*hard news*) kerana ia mempunyai ciri-ciri yang dimiliki oleh berita keras seperti kesegeraan, dan mempunyai unsur berita seperti apa, siapa, mengapa, di mana, bila dan bagaimana. Di samping itu, kebanyakan cerita berita keras adalah mengenai satu konflik atau satu masalah dan percubaan untuk menyelesaiannya. Berita politik juga tidak terkecuali kerana kebanyakannya mengandungi berita tentang konflik, masalah, perbezaan pendapat dan sebagainya seperti yang tertera pada ayat yang bergaris dalam contoh berikut:

(1) TU 084

KUALA LUMPUR 12 April – Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, penahanan tujuh orang anggota pembangkang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) adalah untuk mencegah berlakunya demonstrasi yang akan membawa kepada keganasan dan kemusnahan.

(2) TB 182

JITRA: Pemimpin terlalu kaya tidak akan dibenarkan bertanding merebut jawatan penting pada peringkat bahagian dan cawangan Umno sebagai langkah membendung amalan politik wang, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Dalam contoh (1) di atas dipaparkan konflik yang berlaku iaitu penahanan tujuh orang anggota pembangkang dan sebab penahanan tersebut. Dalam contoh (2) juga dinyatakan apa yang berlaku dan mengapa ia berlaku.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Pembinaan sesuatu teks yang baik bukan sahaja bergantung kepada fakta yang disajikan tetapi juga kepada aspek lain seperti sama ada teks itu disusun dengan teratur dan padu hingga memperlihatkan pautan dan keteraturan fikiran di dalamnya. Dalam konteks wacana berita akhbar berbahasa Melayu, pemahaman terhadap penulisan berita amat penting supaya pembaca dapat berkomunikasi dan memahami kaitan fakta di dalam teks tersebut. Persoalan yang dihadapi ialah sama ada penulisan wacana berita akhbar tersebut mempunyai unsur-unsur kohesi yang dapat membantu pembaca memahami wacana tersebut.

Kebanyakan kajian terhadap wacana berita yang dijalankan terutamanya di negara barat adalah lebih berkisar kepada dua perkara, iaitu bagaimana berita itu dihasilkan dan analisis terhadap kandungan berita dan struktur (van Dijk, 1985; Ghadessy, 1988; Gunesekera, 1989; Bhatia, 1993; Bolivar, 1994 dan Reah, 2001). Kajian-kajian tersebut lebih cenderung kepada disiplin sosiologi, pedagogi, politik dan kognitif. Tidak ramai pengkaji yang menganalisis wacana berita akhbar daripada aspek bahasa dan ketekstualannya. Di Malaysia juga, penyelidikan berkaitan teks berita amat kurang. Namun, penulisan dan kajian-kajian yang terdapat seperti oleh Awang, 1981; Sulaiman, 1990, 1993 dan 1997; Asmah, 1987; Tan, 1994; Sanat, 1996; dan Raja Masittah, 2000 menandakan bermulanya kajian dan penulisan dalam bidang analisis wacana berita.

Awang (1981) misalnya menulis artikel tentang pembinaan wacana berita yang berkesan dengan hanya sekadar memperkatakan peranan bahasa dalam penulisan berita. Sulaiman (1993 dan 1997) menulis buku mengenai penulisan berita tanpa menyentuh aspek kohesi dan koherensi sebaliknya lebih memberikan tumpuan kepada aspek teknikal dalam penulisan berita.

Asmah (1987) menjalankan kajian terhadap teks berita akhbar iaitu dari segi struktur laporan akhbar dan bahasa laporan akhbar. Struktur dalam kajian Asmah adalah bermaksud kaedah yang digunakan untuk menulis berita iaitu kaedah laporan langsung dan kaedah laporan rujukan. Struktur yang dimaksudkan oleh Asmah adalah berbeza dengan maksud struktur dalam kajian ini yang lebih melihat kepada bagaimana sesuatu maklumat itu disusun hingga menghasilkan berita. Aspek bahasa yang dikaji oleh Asmah ialah dengan melihat bahasa yang terdapat pada tajuk berita dan tubuh berita. Dalam aspek bahasa ini, Asmah menyentuh tentang penggunaan ungkapan khusus dalam membuat rujukan, penggunaan berbagai-bagai jenis ayat, penggunaan klausa waktu dan sebagainya. Asmah juga mengkaji penggunaan kata ganti nama diri dan penunjuk dalam laporan akhbar. Walaupun kajian aspek ini tidaklah begitu mendalam tetapi ia masih memberi sumbangan kepada kajian yang dijalankan oleh penulis iaitu kajian aspek kohesi dalam wacana berita.

Tan (1994) telah menjalankan kajian terhadap wacana berita sukan dengan menganalisis struktur-makro semantik van Dijk. Kajian Tan ini boleh dianggap sebagai perintis dalam analisis wacana berita bahasa Melayu. Dalam kajian ini Tan telah memperlihatkan ciri koheren semantik global, ciri kitaran, ciri kelainan

stilistik dan kepelbagaiannya struktur wacana berita sukan dalam akhbar bahasa Melayu.

Sanat (1996) yang telah menjalankan kajian tautan terhadap rencana pengarang akhbar Utusan Zaman merupakan satu kajian yang mendalam dalam aspek kohesi wacana berita akhbar berbahasa Melayu. Kajian ini memberi sumbangan dalam memperkembang bidang penyelidikan analisis wacana di Malaysia.

Daripada perbincangan mengenai kajian yang telah dijalankan berkaitan dengan wacana berita dalam bahasa Melayu, pengkaji berpendapat wujud satu keperluan untuk menambahkan kajian dalam bidang ini, terutamanya dalam aspek kohesi dan pengstrukturkan berita.

1.3 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai dua tujuan iaitu :

- (1) untuk mengkaji dan mengenal pasti struktur genre yang terdapat dalam wacana berita politik akhbar bahasa Melayu dan mencadangkan satu model yang dengannya struktur tersebut dapat diramalkan atau dikenali.

Kategori ini dianalisis dengan menggunakan analisis genre yang diperkenalkan oleh Swales (1981).

- (2) untuk menunjukkan bagaimana kohesi atau tautan dapat diwujudkan dalam wacana berita dengan menggunakan alat

kohesif rujukan dan kata hubung. Tujuan kedua ini merupakan tujuan utama kajian ini.

Kategori ini dianalisis dengan menggunakan analisis kohesi yang diperkenalkan oleh Halliday dan Hasan (1976).

1.4 SOALAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai dua soalan kajian yang utama dan beberapa soalan yang berkaitan seperti berikut :

1. Apakah struktur genre yang terdapat pada wacana berita politik?

Persoalan ini dikaji melalui soalan-soalan berikut :

- (a) Adakah terdapat skema tertentu dalam penyusunan laporan berita dengan menggunakan pendekatan genre?
- (b) Apakah gerakan (*move*) yang digunakan oleh wartawan untuk menulis laporan wacana berita politik?
- (c) Apakah fungsi yang dimainkan oleh gerakan tersebut dalam membentuk struktur wacana berita politik?
- (d) Apakah model yang dapat digunakan dalam menentukan struktur genre wacana berita?

2. Adakah berita utama dalam dua buah surat khabar yang dikaji mempunyai unsur kohesi yang tersendiri?

Persoalan ini dikaji melalui soalan-soalan berikut:

- (a) Apakah dan bagaimanakah alat kohesif rujukan dan kata hubung digunakan dalam mewujudkan kohesi teks?
- (b) Adakah alat kohesif rujukan dan kata hubung berfungsi secara kohesif dalam bahasa Melayu?
- (c) Apakah arah yang dirujuk oleh alat kohesif rujukan ?
- (d) Bagaimanakah bentuk taburan kekerapan alat kohesif rujukan dan kata hubung?

1.5

BAHAN KAJIAN

Bahan untuk kajian ini terdiri daripada wacana berita yang terdapat dalam bahasa Melayu. Daripada wacana tersebut, dipilih hanya wacana berita politik yang merupakan berita utama dan dimuatkan pada muka hadapan akhbar. Ia mengandungi sebanyak 100 wacana berita politik daripada akhbar *Utusan Malaysia*, keluaran Januari hingga April 2001 dan 100 wacana berita politik daripada akhbar *Berita Harian*, keluaran Januari hingga Mei 2001. Kedua-dua akhbar ini dipilih kerana kedua-duanya merupakan akhbar kebangsaan atau utama dalam bahasa Melayu.

Setiap teks berita politik tersebut disusun mengikut tarikh ia disiarkan dan diberikan kod bernombor seperti TU 001 hingga TU 100 untuk data daripada akhbar *Utusan Malaysia* dan TB 101 hingga TB 200 untuk data daripada akhbar

Berita Harian. Senarai lengkap 200 wacana berita politik tersebut, dapat dilihat pada Lampiran I.

Wacana berita akhbar dipilih sebagai data untuk kajian ini kerana ia mewakili wacana tulis yang sentiasa boleh diperolehi oleh semua orang dalam kehidupan sehari-hari (Gunesekera, 1989: 1). Ia juga sentiasa dibaca oleh semua lapisan masyarakat pada setiap hari. Di samping itu, pembaca mudah mengenali wacana berita dan mampu membezakannya daripada genre wacana lain kerana wujudnya pengetahuan implisit yang didasarkan pada pengalaman individu yang dikongsi secara sosial (Raja Masittah, 2000: 520).

Dari segi penggunaan bahasa, berita yang mewakili bahasa media akhbar adalah menarik untuk dikaji kerana ia berjaya menyampaikan maksud dari segi semantik dan linguistik. Semantik yang merupakan satu komponen atau satu peringkat dalam linguistik (Palmer, 1992: 6) adalah mengenai makna atau erti yang hendak disampaikan oleh wartawan kepada pembaca. Ini dapat dicapai melalui pemilihan perkataan, frasa, klausa dan ayat tertentu bagi menyampaikan maksud yang diingini. Linguistik yang merupakan kajian mengenai bahasa sebagai satu sistem komunikasi manusia (Richards, 1992: 215) merangkumi bidang yang luas untuk dikaji seperti fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Makna yang hendak disampaikan melalui bahasa media, dapat difahami melalui bentuk-bentuk bahasa yang terdapat dalam bidang-bidang tersebut misalnya melalui penggunaan perkataan, frasa, klausa dan ayat yang terdapat dalam laporan berita.

Media berita menghasilkan kuantiti bahasa yang banyak dan dapat dijadikan bahan penyelidikan yang mencukupi kepada pengkaji bahasa. Mengikut

Bell (1991: 3), bahasa media adalah lebih mudah diperolehi daripada perbualan. Ia terdapat dalam kuantiti yang banyak dan akhbar secara purata menyediakan 100,000 ribu perkataan untuk dianalisis. Dengan itu, ia tidak memberikan masalah kepada penyelidik untuk mendapatkan bahan kajian kerana kuantitinya yang mencukupi, mudah diperolehi dan mengandungi bahan yang berupa berita dan rencana yang telah disunting sebelum disiarkan. Oleh itu, kualitinya adalah baik.

1.6 PENYUSUNAN KAJIAN

Kajian ini disusun mengikut bab-bab seperti berikut : Bab 1 ialah bab Pendahuluan dan diikuti dengan Bab 2 yang merupakan penelitian bahan penulisan berkaitan iaitu konsep genre dan konsep kohesi. Ia diikuti dengan Bab 3 yang akan membincangkan kaedah kajian. Bab seterusnya iaitu Bab 4 mengemukakan analisis struktur organisasi wacana berita dengan menggunakan 200 wacana berita daripada akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*. Bab 5 membincangkan alat kohesif rujukan dan kata hubung yang terdapat dalam bahasa Melayu dan membentangkan analisis taburan kekerapan rujukan dan kata hubung. Bab 6 dan 7 merupakan bab analisis data yang berkaitan dengan kohesi. Dalam Bab 6, dibentangkan hasil analisis kohesi rujukan dan dalam Bab 7 dibentangkan hasil analisis kata` hubung. Bab 8 adalah bab akhir yang akan menyimpulkan dapatan dan membincangkan implikasi-implikasinya serta cadangan untuk penyelidikan selanjutnya. Analisis data ini dibahagikan kepada tiga (3) bab iaitu Bab 4, 6 dan 7 kerana setiap bab membincangkan aspek analisis yang berlainan, iaitu Bab 4 khusus untuk analisis struktur wacana berita, Bab 6 khusus untuk analisis alat kohesif rujukan dan Bab 7 menganalisis alat kohesif kata hubung.

Oleh kerana bidang analisis wacana sangat luas skopnya, oleh itu ruang lingkup kajian terbatas kepada perkara-perkara berikut:

- (1) data kajian hanya terhad kepada wacana berita politik sahaja. Kajian ini tidak dapat menganalisis genre berita lain seperti ekonomi, hiburan, sukan dan sebagainya kerana kendala ruang dan masa.
- (2) tumpuan kajian terhad kepada aspek kebahasaan iaitu dari sudut kohesi sahaja. Daripada lima kategori yang terkandung dalam kohesi, kajian ini hanya memberi tumpuan kepada kategori rujukan dan kata hubung sahaja. Kategori lain tidak dapat dikaji juga kerana masalah masa dan ruang.

Kajian ini memberi sumbangan kepada bidang kajian yang berkaitan dengan analisis wacana dan boleh dilihat dari dua aspek iaitu:

- (a) ia memperlihatkan struktur genre yang dimiliki oleh wacana berita akhbar berbahasa Melayu, dan
- (b) ia memperjelas aspek kohesi dalam kategori rujukan dan kata hubung yang terdapat dalam wacana berita bahasa Melayu.

Dari segi memperlihatkan struktur genre wacana berita bahasa Melayu, kajian ini akan memberikan sumbangan kepada pembentukan satu model yang dapat dijadikan panduan dalam menulis laporan berita dalam bahasa Melayu. Setahu penulis, sehingga kini belum ada kajian struktur generik wacana berita dalam akhbar berbahasa Melayu. Dengan ini, kajian ini dapat dianggap sebagai satu usaha

untuk menambahkan pengkajian dalam bidang analisis wacana khususnya wacana berita akhbar berbahasa Melayu.

Dari segi memperjelas aspek kohesi dalam kategori rujukan dan kata hubung, kajian ini akan memperlihatkan bagaimana alat-alat tersebut memainkan peranan dalam mewujudkan tautan dalam wacana berita dan fungsinya dalam membentuk struktur wacana berita politik. Ini berhubung kait dengan pemahaman sesuatu berita oleh pembaca. Secara tidak langsung, kajian ini akan memberikan sumbangan kepada pengembangan teori kohesi Halliday dan Hasan dengan mengaplikasikannya dalam teks berbahasa Melayu.